

30 MAY 2001

Isa-Sampah

TAPAK PELUPUSAN SAMPAH YANG BARU DI SEMPADAN S'BAN-REMBAU

SEREMBAN, 30 Mei (Bernama) -- Tapak pelupusan sampah yang baru bagi Seremban akan diwujudkan di sempadan Seremban-Rembau iaitu antara Sungai Gadut dan Pedas dekat ini, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata Majlis Perbandaran Seremban (MPS) telah mengenal pasti kawasan itu dan akan berbincang dengan Majlis Daerah Rembau (MDR) mengenai keluasan kawasan itu.

"Saiznya kita masih belum tahu lagi tetapi sekiranya saiz itu luas, mungkin MDR juga boleh menggunakan tapak pelupusan yang sama kerana ia berdekatan dengan Rembau.

"MPS akan berbincang dahulu mengenai perkara itu dengan majlis daerah terbabit," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Mohamed Isa berkata saiz tapak itu juga bergantung kepada kemampuan kewangan MPS memandangkan ia merupakan tanah milik persendirian.

Beliau berharap tapak itu dapat digunakan selewat-lewatnya tahun depan kerana tapak pelupusan sampah yang ada sekarang di Sikamat hanya mampu bertahan antara satu dan dua tahun lagi.

Mengulas mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Pergerakan Pemuda Umno semalam, Mohamed Isa berkata Pemuda Umno harus menyahut saranan itu dan membuktikan bahawa mereka dapat menjalankan tugas yang diberikan dalam masa singkat.

"Kalau semua bekerja kuat, ini bukanlah perkara yang sukar untuk dilaksanakan. Saya yakin Pemuda mampu melakukannya dan Badan Perhubungan, Bahagian dan cawangan akan membantu dalam perkara itu," katanya.

Perdana Menteri dalam amanatnya kepada Pemuda Umno menggariskan tiga tugas utama bagi mengatur iltizam perjuangan Pemuda iaitu setiap ahli perlu mencari lima ahli baru, mendaftar ahli yang cukup umur sebagai pemilih pilihan raya dan menyiapkan bilik gerakan di setiap cawangan.

-- BERNAMA

APG AKD